

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN  
KALI KE - 23**

**KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN**

**MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

**Dirasmikan Oleh :**

**TUAN HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD**  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah

**TARIKH : 20 JULAI 2017 (KHAMIS)**

**MASA : 2.00 PETANG**

**TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA SKUDAI**





مجلس فرينداران جوهر بهاري نغه  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH  
81300 SKUDAI, JOHOR BAHRU,  
JOHOR

Pejabat AM : 07-5555000  
Yang Dipertua : 07-5546324  
Setiausaha : 07-5555161  
Fax : 07-5568007  
Fax YDP : 07-5546323  
Aduan Awam : 07-5582009  
Laman Web : www.mpjbt.gov.my

Sila nyatakan rujukan surat  
kami apabila menjawab

Ruj. Tuan :

(19) MPJBT/KSK/2016-2018(3)

Ruj. Kami :

Tarikh :

4 Julai 2017

Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah,  
81300 Skudai, Johor.

Tuan / Puan / Encik / Cik;

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN  
KALI KE – 23 KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.


Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke – 23 Kelab Sukan dan Kebajikan, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah akan diadakan seperti berikut :

**TARIKH : 20 JULAI 2017 ( KHAMIS )  
MASA : 2.00 PETANG  
TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA SKUDAI, MPJBT**

2. Bersama-sama ini disertakan agenda mesyuarat, laporan-laporan dan penyata kira-kira Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah bagi makluman. Dokumen-dokumen mesyuarat tersebut boleh juga dicetak melalui laman web [www.mpjbt.gov.my](http://www.mpjbt.gov.my). Tuan / Puan / Encik / Cik dengan ini adalah dijemput hadir.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

  
(NUR HUDA BINTI SANUSI)  
Setiausaha  
Kelab Sukan dan Kebajikan,  
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah

s.k. Tuan Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah.

- Tuan dengan hormatnya dijemput  
merasmikan Mesyuarat Agung ini.

NHS/yad/mesyuarat agong ke 23

Pejabat Cawangan Taman Perling : 07-2381513  
Pejabat Cawangan Taman Johor Jaya : 07-3557012  
UTC Galleria @ Kotaraya : 07-2216787  
Pejabat Pengurusan Taman : 07-6841889



**AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE –23  
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH  
PADA 20 JULAI 2017 (KHAMIS) JAM 2.00 PETANG**

.....

**PERASMIAN**

- 2.00 petang - Pendaftaran Ahli.
- 2.30 petang - Ketibaan Tuan Yang Dipertua MPJBT.
- Bacaan doa oleh Encik Izwan Izwardi bin Haron.
  - Ucapan alu-aluan dari Tuan Haji Md Asri bin Haji Amir. Yang Dipertua Kelab Sukan dan Kebajikan, MPJBT.
  - Ucapan perasmian oleh Tuan Haji Adib Azhari bin Daud Yang Dipertua, MPJBT merangkap Penaung Kelab Sukan dan Kebajikan MPJBT
  - Penyampaian saguhati kepada anak kakitangan yang cemerlang dalam peperiksaan bagi tahun 2016
  - Penyampaian cenderahati kepada Pn. Masharianti binti Masri mantan Bendahari Kelab Sukan dan Kebajikan
  - Penyampian cenderahati kepada Tuan Yang Dipertua MPJBT oleh Yang Dipertua Kelab Sukan dan Kebajikan MPJBT.

**MESYUARAT AGUNG DIMULAKAN**

1. Ahli Jawatankuasa Mengambil Tempat.
  - Kata-Kata Aluan/Penerangan Pengerusi
2. Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Kali Ke -22 Yang Lalu - Lampiran A
3. Menerima Penyata Kira-Kira Berakhir 31.12.2016 - Lampiran B
4. Menerima Laporan-Laporan Jawatankuasa Bagi Tahun 2016 – Lampiran C
  - Bowling - Lampiran C1
  - Paintball - Lampiran C2
  - Bola Jaring - Lampiran C3
  - Kebajikan - Lampiran C4

**AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE -23  
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH  
PADA 20 JULAI 2017 (KHAMIS) JAM 2.00 PETANG**

.....

5. Membentangkan Kertas Kerja Permohonan Kelulusan Perbelanjaan Melebihi RM30,000.00 dari Mesyuarat Agung Kelab Sukan dan Kebajikan MPJBT (KSK MPJBT/MA/23)  
- Lampiran D
6. Membentang usul yang diterima secara bertulis daripada ahli ahli sebagaimana- Lampiran E.
7. Pelantikan Bendahari Sesi 2016-2018 berkuatkuasa dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-23 Kelab Sukan dan Kebajikan MPJBT.
8. Ucapan Penangguhan.
9. Penangguhan Mesyuarat.
10. Jamuan.



**KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

---

**MINIT MESYUARAT AGUNG  
KALI KE -22  
TAHUN 2016**

**27 APRIL 2016**

---

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE -22  
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

---

Tarikh : 27 April 2016 (Rabu )  
Masa : 2.00 Petang – 5.30 Petang  
Tempat : Dewan Serbaguna Skudai

---

**KEHADIRAN**

Jumlah : **476 orang ahli telah hadir** dari keseluruhan jumlah ahli seramai 697 orang .

**AGENDA**

**1. BACAAN DOA**

Bacaan doa telah diketuai oleh Encik Izwan Izwardi Bin Haron.

**2 UCAPAN ALU-ALUAN OLEH ENCIK ABDUL MALIK BIN HAJI ISMAIL, YANG DIPERTUA KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN, MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH.**

**3. UCAPAN PERASMIAN OLEH TUAN DR BADRUL HISHAM BIN KASSIM , YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH.**

**4. PENYAMPAIAN CENDERAHATI ANAK-ANAK WARGA KERJA MPJBT YANG CEMERLANG DALAM PELAJARAN BAGI TAHUN 2015.**

**5. PENYAMPAIAN CENDERAHATI KEPADA AHLI JAWATANKUASA, PEMERIKSA KIRA -KIRA DAN PEMEGANG AMANAH KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPJBT SESI 2014-2016.**

**6. PENYAMPAIAN CENDERAHATI KEPADA TUAN YANG DIPERTUA MPJBT OLEH YANG DIPERTUA KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN, MPJBT.**

**7. MESYUARAT AGUNG DIMULAKAN**

Ahli jawatankuasa mengambil tempat.

Tuan pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan salam dan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli yang hadir . Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa Ahli Jawatankuasa telah menjalankan tanggungjawab untuk menjalankan aktiviti-aktiviti masing-masing.

#### **8. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG KALI KE - 21 YANG LALU.**

Tuan Pengerusi telah membentangkan Minit Mesyuarat Agung ke - 21 sebagaimana Lampiran A dalam buku mesyuarat, yang telah diadakan pada 25 Mei 2015 dan telah diluluskan atas cadangan Encik Syed Badruddin Bin Syed Jamal dan disokong sebulat suara oleh ahli-ahli.

#### **9. MENERIMA PENYATA KIRA-KIRA BERAKHIR 31 DISEMBER 2015.**

9.1 Bendahari telah membentangkan laporan kewangan sebagaimana Lampiran B dalam buku mesyuarat.

9.2 Puan Marsharianti binti Masri ingin mendapatkan penjelasan berhubung penghutang daripada kakitangan yang mana dana pusingannya adalah RM20,000.00 walau bagaimanapun dari penyata ditunjukkan sebanyak berjumlah RM29,500.00 dan baki di bank pada penyata lembaran imbangan adalah sebagaimana penyata pendapatan dan pembayaran sebanyak RM227,866.26

9.3 Bendahari memaklumkan bahawa jumlah dana pusingan yang dipersetujui adalah RM20,000.00 walau bagaimanapun dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kelab telah bersetuju untuk memberikan pinjaman melebihi dari dana pusingan. Jumlah RM29,500.00 adalah jumlah baki pinjaman yang belum dijelaskan oleh ahli. Bagi lembaran imbangan berhubung baki bank yang tidak sama dengan RM227,866.26 , ini adalah kerana terdapat wang tunai yang dipegang di tangan pada akhir 31 Disember 2015 dan format lembaran imbangan adalah sedikit berbeza dari yang dimaksudkan oleh ahli yang mengemukakan pertanyaan.



9.4 Setelah tiada pertanyaan lanjut dibangkitkan, Penyata Kira-kira Berakhir 31 Disember 2015 telah diterima oleh ahli-ahli dengan sebulat suara dengan pindaan sebagaimana teguran dari Puan Marsharianti binti Masri.

## **10. MENERIMA LAPORAN JAWATANKUASA BAGI TAHUN 2015**

10.1 Tuan Pengerusi telah membentangkan laporan –laporan jawatankuasa/biro Pelajaran, Kebajikan, Agama, kebudayaan, Rekreasi, Bola Sepak, Badminton, Bola Jaring, Permainan Dalam, Boling, Bola Tampar, Sepak Takraw, Paintball, Tennis, Futsal, dan Ekonomi sebagaimana lampiran C1 hingga C16 dalam buku mesyuarat.

10.2 Laporan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh jawatankuasa/ biro diterima oleh ahli-ahli dengan sebulat suara.

## **11. PEMBENTANGAN KERTAS KERJA PERMOHONAN KELULUSAN PERBELANJAAN MELEBIHI RM30,000.00 DARI MESYUARAT AGUNG KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPJBT SEBAGAIMANA KERTAS KERJA MAKSK 1/2016**

11.1 Setiausaha telah membentangkan kertas kerja MAKSK 1/2016, bagi memohon persetujuan ahli-ahli dalam mesyuarat Agung Kelab Sukan dan Kebajikan MPJBT berkenaan perbelanjaan melebihi RM30,000.00 yang telah dibelanjakan pada April 2015 sebanyak RM37,150.00 bagi pemberian hadiah cabutan bertuah kepada 712 kakitangan MPJBT sempena hari Keluarga MPJBT 2016 dan pemberian duit raya kepada ahli-ahli kelab bagi tahun 2016, setelah ditimbang oleh ahli jawatankuasa sesi 2016/2018 kelak. Setelah sokongan ahli dipohon cadangan sebagaimana kertas kerja telah diluluskan oleh ahli-ahli, seramai 476 ahli menyokong dan tiada ahli yang menolak.

## 12. MEMBENTANGKAN USUL YANG DITERIMA SECARA BERTULIS DARIPADA AHLI SEBAGAIMANA LAMPIRAN D.

12.1 Setiausaha telah membentangkan usul - usul yang diterima dari 3 orang ahli sebagaimana lampiran D.

12.2 Setelah tiada soalan lanjut dibangkitkan, pembentangan usul yang diterima dari ahli-ahli sebagaimana Lampiran D dalam Buku Mesyuarat telah diterima dengan sebulat suara.

## 13. PEMBUBARAN JAWATANKUASA KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPJBT SESI 2014-2016.

13.1 Tuan Pengerusi seterusnya mengumumkan pembubaran Jawatankuasa Kelab Sukan dan kebajikan sesi 2014-2016.

13.2 Tuan Pengerusi seterusnya meminta ahli-ahli untuk mencadangkan agar Setiausaha Sementara dilantik. Mesyuarat selanjutnya sebulat suara bersetuju agar Setiausaha sesi lalu iaitu Puan Nur Huda binti Sanusi menjadi Setiausaha Sementara.

## 14. PERLANTIKAN AHLI JAWATANKUASA BAGI SESI 2016-2018

Tuan Pengerusi telah menjalankan mesyuarat bagi pengundian jawatankuasa Kelab bagi sesi 2016/2018 dan keputusannya adalah sebagaimana yang berikut :

JAWATAN/ JAWATANKUASA	CALON	PENCADANG	PENYOKONG	BIL. UNDI
Naib Yang Dipertua :  <b>Haji Yahya bin Hassan</b>	Haji Yahya bin Hassan	Muhd Harmizi bin Abu Bakar	Syed Badruddin bin Syed Jamal	Sebulat suara
Setiausaha :  <b>Nur Huda binti Sanusi</b>	Nur Huda bin Sanusi	Syed Badruddin bin Syed Jamal	Nurhidayah Mohamed binti	Sebulat suara.

Penolong Setiausaha :				
<b>Razali Hassan bin Hassan</b>	Razali Hassan bin Hassan	Mohd Farithrizal bin Md Zain	Haji Masiran bin Roslan	Sebulat suara
Bendahari :				
<b>Marsharianti binti Masri</b>	Marsharianti binti Masri	Shamsiah binti Jusoh	Noraniza binti Md Zam	Sebulat suara
Pelajaran :				
<b>Yuslee bin Abd Hamid</b>	Yuslee bin Abd Hamid	Helmy Iskandar bin Abu Bakar	Abd Halim bin Mohd Sulaiman	Sebulat suara
Kebajikan :				
<b>Haji Masiran bin Roslan</b>	Haji Masiran bin Roslan	Abd Halim bin Mohd Sulaiman	Mohamad Farid bin Anang	Sebulat suara
Agama :				
<b>Izwan Izwardi bin Haron</b>	1 Mazlan bin Sahid 2. Izwan Izwardi bin Haron	1. Izwan Izwardi bin Haron 2. Mazlan bin Sahid	Mohamad Farid bin Anang Mohamad Farid bin Anang	2 100
Kebudayaan :				
<b>Md Izzuan bin Md Rais</b>	Md Izzuan bin Md Rais	Muhd Harmizi bin Abu Bakar	Mohamad Farid bin Anang	Sebulat suara.

Rekreasi : <b>Mohammad Noor Fauzan bin Hassan</b>	Mohammad Noor bin Fauzan Hassan	Johari bin Jalil	Mohd Haniff bin Mohamad Taha	Sebulat suara
Bola Sepak : <b>Muhd Harmizi bin Abu Bakar</b>	Muhd Harmizi bin Abu Bakar	Mohamed Nasharuddin bin Jumakir	Daud bin Baris	Sebulat suara
Badminton : <b>Abd. Halim bin Mohd Sulaiman</b>	Abdul Halim bin Sulaiman	Johari bin Jalil	Muhd Harmizi bin Abu Bakar	Sebulat suara
Bola Jaring : <b>Norhaliza binti Sakimin</b>	Norhaliza binti Sakimin	Siti Morni bin Ahmad	Morni binti Ahmad	Sebulat suara
Permainan Dalam : <b>Shaharuddin bin Mogok</b>	1.Mohamad Ammar bin Mohamad Amin 2.Syed Badruddin bin Syed Jamal 3. Shaharuddin bin Mogok	Syed Badruddin bin Syed Jamal Mohamad Ammar bin Mohamad Amin Farid Kaseh bin	Mohamad Farid bin Anang mencadangkan cadangan ditutup	32 11 113
Boling : <b>Helmy Iskandar bin Abu Bakar</b>	Helmy Iskandar bin Abu Bakar	Ahmad Ariffin bin Bukari	Sharifah Faridah binti Syed Abd Hamid	Sebulat suara

Bola Tampar : <b>Daud bin Baris</b>	1.Daud bin Baris	Muhd Harmizi bin Abu Bakar	Mohd Norsyam Izani bin Yusoff	Sebulat suara
Sepak Takraw <b>Shamsul bin Ludin</b>	1. Shamsul bin Ludin	Emrizal bin Abdul Rahman	Mohd Norsyam Izani bin Yusoff	Sebulat Suara
Paintball : <b>Mohd Hazdi bin Mohd Dan.</b>	Mohd Hazdi bin Mohd Dan.	Mohd Afzan bin Abd Sani	Mohd Hafizal bin Raoff	Sebulat suara
Tenis : <b>Ahmad Fadzly bin Haji Yahaya</b>	Ahmad Fadzly bin Haji Yahaya	Razali bin Hassan	Mohd Yusof bin Razali	Sebulat Suara
Futsal : <b>Hamdan bin Subari</b>	1. Hamdan bin Subari 2. Ezree bin Baria	Farid bin Kaseh Azrullail bin Masijan	Mohd Farid bin Mohamad Anang Mohd Hafizal bin Raoff	86 62
Ekonomi : <b>Azrullail bin Masijan</b>	1.Azrullail bin Masijan 2.Nor Aklima bt. Khidir 3.Mohd Azman bin Baharom 4.Mohd Saifuddin bin Moon	Shahrul bin Sapri Siti Morni binti Ahmad Mazlan bin Sahid Rosaidi bin Ibrahim	Mohammad Hafiz bin Saad	76 23 5 45

	5. Tuan Yunos Wagiran	Haji bin	Mohd Saifuddin bin Moon		1
	6. Hajah Fadzliaton Mohd Noor	binti	Azlina binti Md Zin	Farid bin Kasih mencadangkan cadangan ditutup.	29
Pemeriksa kira-kira :	1. Emrizal Abdul Rahman	bin	Abd. Halim bin Mohd Sulaiman		102
Emrizal bin Abdul Rahman	2. Nor Aklima Khidir	binti	Siti Morni binti Ahmad		86
Nor Aklima binti Khidir	3. Nawal Mohd khudzairi	binti	Razali bin Hassan	Farid bin Kasih mencadangkan cadangan ditutup	33

## 15. UCAPAN PENANGGUHAN

### 15.1 Encik Mohd Haniff Bin Mohamad Taha

Encik Mohd Haniff Bin Mohamad Taha mengucapkan tahniah kepada ahli jawatankuasa yang dilantik. Beliau mencadangkan agar setiap ahli dibenarkan untuk menjadi jawatankuasa kecil bagi satu jawatankuasa atau biro sahaja dan memberi peluang kepada ahli-ahli baru untuk menjadi ahli jawatankuasa kecil jawatankuasa-jawatankuasa / biro-biro .

### 15.2 Encik Syed Badruddin Bin Syed Jamal

Beliau meminta agar pekerja-perja luar tidak diketepikan. Segala informasi hendaklah juga dimaklumkan kepada pejabat di Hutan Bandar, bengkel Kangkar Pulai, Jalan Pontian Lama dan Taman Sri Pulai. Informasi itu dicadangkan ditampal di pejabat luar atau bengkel. Beliau juga mencadangkan agar ahli-ahli yang bertugas di luar juga dilantik menjadi jawatankuasa kecil supaya informasi dapat disampaikan ke pejabat-pejabat cawangan.

Beliau juga mencadangkan agar program Hari Keluarga diperbaiki dengan memberi peluang kepada anak-anak secara lebih terbuka dan bukan hanya kepada anak-anak kakitangan yang didaftarkan dan hadiah yang lebih baik selain makanan ringan.

### **15.3 Cik Siti Morni Binti Ahmad**

Beliau meminta agar Biro Kebudayaan lebih aktif bagi sesi baru ini seperti mengadakan pertandingan nasyid dan aktiviti-aktiviti lain yang bersesuaian.

### **15.4 Encik Muhd Harmizi Bin Abu Bakar**

Beliau mencadangkan agar cabutan bertuah dapat dicabut di hadapan hadirin yang hadir dan tidak dibuat lebih awal tanpa disaksikan oleh hadirin dengan hanya dipaparkan nama di skirin.

### **15.5 Encik Mohd Farithrizal Bin Md Zain**


Beliau mencadangkan Hari Perbandaran diubah imej mengikut trend dan konsep yang terkini, tidak perlu mengikut program yang telah disusun pada tahun-tahun lepas.

## **16. PENANGGUHAN MESYUARAT**


Sebelum mesyuarat ditangguhkan, Tuan pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli di atas kehadiran ke Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 22 dan terhadap pandangan yang bernas yang telah diberikan oleh ahli-ahli. Beliau juga mengharapkan agar Biro Ekonomi akan dapat bergerak dengan lebih aktif bagi mencari dana Kelab Sukan. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.30 petang.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh,

  
(NUR HUDA BINTI SANUSI)  
SETIAUSAHA,  
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MPJBT

Disahkan oleh,

  
(ABDUL MALIK BIN HAJI ISMAIL)  
YANG DIPERTUA,  
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MPJBT



**KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

---

**PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPJBT**



**KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

**LEMBARAN IMBANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2016**

	2016 RM	2015 RM
<b>ASET TETAP</b>		
Harta Tetap	-	-
<b>ASET SEMASA</b>		
Bank	153,156.86	194,553.56
Tunai	20,443.40	4,012.70
Penghutang	39,200.00	29,500.00
	212,800.26	228,066.26
<b>LIABILITI SEMASA</b>		
Pemiutang	-	200.00
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>	212,800.26	227,866.26
	212,800.26	227,866.26
<b>DIBIAYAI OLEH :</b>		
Kumpulan Wang	212,800.26	227,866.26


DIAKUI SAH OLEH :




.....  
**ABDUL MALIK BIN HJ ISMAIL**  
Yang DiPertua  
Kelab Sukan dan Kebajikan  
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah



.....  
**MD IZZUAN BIN MD RAIS**  
Bendahari  
Kelab Sukan dan Kebajikan  
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah



.....  
**EMRIZAL BIN ABDU RAHMAN**  
Pemeriksa Kira-Kira  
Kelab Sukan dan Kebajikan  
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah



.....  
**NOR AKLIMA BINTI KHIRID**  
Pemeriksa Kira-Kira  
Kelab Sukan dan Kebajikan  
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah

**KELAB SUKAN DAN KEBAIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**


**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	2016 RM	2015 RM
<b>PENDAPATAN</b>		
Yuran Ahli	66,843.00	51,125.00
Sewa Ruang Legar	7,360.40	4,489.60
Sewa Cafeteria	7,730.00	8,230.00
Sewa Dataran	350.00	1,400.00
Sumbangan	7,336.34	32,322.34
Sewa Vending Machine	-	4,500.00
Yuran Aktiviti Sukan & Rekreasi	3,850.00	17,251.00
Jualan Sampul Surat Sebutharga	69,131.00	95,606.40
Bayaran Insentif Kewangan SSR 2013	20,000.00	30,000.00
Lain-lain	800.00	1,415.40
	<b>183,400.74</b>	<b>246,339.74</b>
<b>PERBELANJAAN</b>		
Aktiviti Sukan	39,828.00	69,630.00
Aktiviti Sosial dan Kebajikan	118,412.90	65,579.55
Sumbangan Perkahwinan	2,600.00	2,200.00
Sumbangan Kematian	3,200.00	3,600.00
Sumbangan Haji	2,000.00	1,500.00
Sumbangan Kelahiran	4,000.00	6,200.00
Sumbangan Pelajaran	1,800.00	1,800.00
Sumbangan Penyakit Kronik	4,800.00	2,000.00
Sumbangan Kemalangan	200.00	2,000.00
Sumbangan Persaraan	2,400.00	900.00
Sumbangan Anak Cemerlang	-	3,000.00
Kos Jualan Sampul Surat Sebutharga	17,151.00	7,091.00
Alatulis	159.90	-
Lain-lain	1,914.94	807.23
	<b>198,466.74</b>	<b>166,307.78</b>
<b>LEBIHAN PENDAPATAN/(PERBELANJAAN)</b>	<b>(15,066.00)</b>	<b>80,031.96</b>

DIAKUI SAH OLEH :



.....  
**ABDUL MALIK BIN HJ ISMAIL**  
Yang DiPertua  
Kelab Sukan dan Kebajikan  
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah



.....  
**MD IZZUAN BIN MD RAIS**  
Bendahari  
Kelab Sukan dan Kebajikan  
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah



.....  
**EMRIZAL BIN ABDU RAHMAN**  
Pemeriksa Kira-Kira  
Kelab Sukan dan Kebajikan  
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah



.....  
**NOR AKLIMA BINTI KHIDIR**  
Pemeriksa Kira-Kira  
Kelab Sukan dan Kebajikan  
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah

**KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**PENERIMAAN**

Baki Tahun Lepas	227,866.26
Yuran Ahli	66,843.00
Sumbangan	7,336.34
Sewaan	15,440.40
Yuran Aktiviti	3,850.00
Jualan sampul surat sebutharga	69,131.00
Bayaran Insentif MPJBT	20,000.00
Lain-Lain	800.00

**PEMBAYARAN**

Aktiviti Sukan	39,828.00
Aktiviti Sosial & Kebajikan	118,412.90
Sumbangan Perkahwinan	2,600.00
Sumbangan Kematian	3,200.00
Sumbangan Haji	2,000.00
Sumbangan Bersalin	4,000.00
Sumbangan Kemalangan	200.00
Sumbangan Pelajaran	1,800.00
Sumbangan Penyakit Kronik	4,800.00
Sumbangan Persaraan	2,400.00
Kos Jualan Sampul Surat sebutharga	17,151.00
Lain-lain	2,074.84

Baki Tahun 2016

212,800.26


411,267.00

411,267.00

DIAKUI SAH OLEH :



ABDUL MALIK BIN HJ ISMAIL  
Yang DiPertua  
Kelab Sukan dan Kebajikan  
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah



MD IZZUAN BIN MD RAIS  
Bendahari  
Kelab Sukan dan Kebajikan  
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah



EMRIZAL BIN ABDUL RAHMAN  
Pemeriksa Kira-Kira  
Kelab Sukan dan Kebajikan  
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah



NOR AKLIMA BINTI KHIDIR  
Pemeriksa Kira-Kira  
Kelab Sukan dan Kebajikan  
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah

**KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH  
RINGKASAN TERIMAAN TAHUN 2016**

BUTIRAN	AMAUN	JUMLAH
<b>A YURAN AHLI</b>		<b>66,843.00</b>
<b>B SUMBANGAN</b>		
B1 Aktviti	7,300.00	
B2 Lain-lain	36.34	7,336.34
<b>C SEWA RUANG LEGAR</b>		<b>7,360.40</b>
<b>D SEWA CAFETARIA</b>		
D1 Sewa	7,700.00	
D2 Proses Perjanjian Sewa	30.00	7,730.00
<b>E SEWA DATARAN KEJAT</b>		<b>350.00</b>
<b>F YURAN AKTIVITI</b>		
F1 Yuran Kejohanan Tenis	3,600.00	
F2 Yuran Seminar Anjuran MPJBT	250.00	3,850.00
<b>G JUALAN SAMPUL SURAT SEBUTHARGA</b>		<b>69,131.00</b>
<b>H BAYARAN INSENTIF KEWANGAN AI (ACCOUNTABILITY INDEX)</b>		<b>20,000.00</b>
<b>I PULANGBALIK LEBIHAN BELANJA</b>		<b>800.00</b>
<b>JUMLAH TERIMAAN 2016</b>		<b>183,400.74</b>

**KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

**RINGKASAN PERBELANJAAN TAHUN 2016**

BUTIRAN	AMAUN	JUMLAH
<b>A AKTIVITI SUKAN</b>		
A1 Bowling	5,840.00	
A2 Futsal	8,000.00	
A3 Bola Jaring	1,590.00	
A4 Paintball	4,408.00	
A5 Sepak Takraw	7,990.00	
A6 Tenis	8,000.00	
A7 Bola Tampar	1,000.00	
A8 Sumbangan Tahunan Kelab Tarik Tali	3,000.00	39,828.00
<b>B AKTIVITI SOSIAL DAN KEMASYARAKATAN</b>		
B1 Hari Keluarga MPJBT (Cabutan Bertuah)	37,150.00	
B2 Mesy Agung KSK	22,653.40	
B3 Elaun-elaun	1,780.00	
B4 Cenderahati AJK	9,200.00	
B5 Lawatan	26,812.50	
B6 Jamuan Mesyuarat	147.00	
B7 Sumbangan hari raya kakitangan	20,670.00	118,412.90
<b>C SUMBANGAN PERKAHWINAN</b>		2,600.00
<b>D SUMBANGAN KEMATIAN KELUARGA</b>		3,200.00
<b>E SUMBANGAN HAJI</b>		2,000.00
<b>F SUMBANGAN KELAHIRAN</b>		4,000.00
<b>G SUMBANGAN PELAJARAN</b>		1,800.00
<b>H SUMBANGAN KEMALANGAN</b>		200.00
<b>I SUMBANGAN PERSARAAN</b>		2,400.00
<b>J SUMBANGAN PENYAKIT KRONIK</b>		4,800.00
<b>K KOS JUALAN SAMPUL SURAT SEBUTHARGA</b>		
K1 PERCETAKAN SAMPUL SURAT SEBUTHARGA	13,568.00	
K2 PERCETAKAN RESIT SAMPUL SURAT SEBUTHARGA	583.00	
K3 ELAUN PENGURUSAN SAMPUL SURAT SEBUTHARGA	3,000.00	17,151.00
<b>L KOS PENGURUSAN SEWA RUANG LEGAR</b>		950.00
<b>M KOS PEMBELIAN ALATULIS</b>		159.90
<b>N KOS KAIN RENTANG (PASAR PAGI)</b>		826.80
<b>O CAJ/KOMISEN BANK</b>		138.14
<b>JUMLAH PERBELANJAAN 2016</b>		<b>198,466.74</b>

**KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH  
RINGKASAN PENYATA PENYESUAIAN KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	<b>JUMLAH RM</b>
<b>LEBIHAN TERKUMPUL PADA 1 JANUARI 2016</b>	<b>227,866.26</b>
<b><u>Tambahan Tahun 2016</u></b>	
(+) Terimaan Tahun 2016	183,400.74
<b><u>Perbelanjaan Tahun 2016</u></b>	
(-) Perbelanjaan Tahun 2016	198,466.74
<b>LEBIHAN TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2016</b>	<b>212,800.26</b>
<b>BAKI BANK PADA 31 DISEMBER 2016</b>	153,156.86
<b>BAKI TUNAI PADA 31 DISEMBER 2016</b>	20,443.40
<b>BAKI BUKU TUNAI PADA 31 DISEMBER 2016</b>	173,600.26
<b>BAKI PENGHUTANG PADA 31 DISEMBER 2016</b>	39,200.00
<b>LEBIHAN TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2016</b>	<b>212,800.26</b>



**KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

---

**LAPORAN**

**BIRO BOLING**

---



## LAPORAN BIRO BOWLING 2016/2018

**KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

---

### 1. PENDAHULUAN

#### AHLI JAWATANKUASA BIRO BOWLING SESI 2016 / 2018

Pengerusi	:	En Helmy Iskandar Bin Abu Bakar
Naib Pengerusi	:	En Mohd Khairud-din B Mohd Noh
Ahli Jawatankuasa	:	En Ahmad Ariffin Bin Bukhari Mohd Farithrizal Bin Mohd Zain Pn Salmeroha Binti Mohamad Pn Rosanita Binti Kadar Pn Raihana Binti Ismail Pn Fazadila Binti Ahmad Pn Nur A'ain Binti Abdullah

### 2. OBJEKTIF

- 2.1 Memupuk minat bersukan dikalangan ahli kelab sukan dan kebajikan MPJBT
- 2.2 Menaikkan mutu sukan bowling di peringkat MPJBT/PBT / Daerah / Negeri.
- 2.3 Memupuk semangat toleransi di samping mengamalkan daya hidup sihat melalui aktiviti berteraskan kesukanan.
- 2.4 Menjadikan satu medium bagi menjalinkan hubungan dan mengeratkan silaturahim antara kita.



### 3. LAPORAN AKTIVITI BIRO BAGI PERTENGAHAN PENGGAL 2016/2018

#### 3.1 Pertandingan Boling Antara Jabatan MPJBT

Tarikh : 11 Februari 2017  
Lokasi : Universal Bowl, Skudai Parade Skudai  
Peserta : 54 pasukan ( 108, 54 wanita)  
Keputusan : Johan

Lelaki : En Suhaimi Bin Abon (Kewangan)  
Wanita : Pn Sharifah Faridah Bte Syed Abd Hamid (Perlesenan)  
Berpasukan : Jabatan Kewangan  
- En Suhaimi Bin Abon  
- Pn Alimah  
- En Nasir Bin Abd Aziz

#### 3.2 Kejohanan Liga kakitangan Kerajaan Negeri Johor 2017

Tarikh : Bermula 20 Februari 2017 – Oktober 2017  
Lokasi : Lite Superbowl JB, Danga City Mall  
Anjuran : Lite Super Bowl JB  
Peserta MPJBT : En. Yunus Bin Ban  
En Suhaimi Bin Abon  
En Zahari Bin Sa'at  
En Rozaimi Bin Mahat

#### 4. GAMBAR AKTIVITI



## 5. PENUTUP

Biro boling akan berusaha untuk menganjurkan lebih lagi pertandingan pada masa akan datang dikalangan ahli kelab sukan dan kebajikan MPJBT. Dan berharap ianya mendapat sambutan dan minat dikalangan ahli untuk menyertai pasukan boling MPJBT.

Sekian, terima kasih.

**“MAJULAH SUKAN UNTUK MPJBT”**

Disediakan oleh,



.....  
(HELMY ISKANDAR BIN ABU BAKAR)  
Pengerusi Biro Boling,  
Kelab sukan dan kebajikan MPJBT



**KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

---

**LAPORAN**

**BIRO PAINTBALL**

---



## **LAPORAN BIRO PAINTBALL SESI 2016-2018 KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

Penasihat	:	Encik Mohd Shayfuddin bin Moon
Pengerusi	:	Encik Mohd Hazdi bin Md. Dan
Timbalan Pengerusi	:	Encik Muhammad Ridhuan bin Aziz
Setiausaha	:	Cik Husnulkhatimah bte Ahmad Rahman
Bendahari	:	Puan Raja Zalilah binti Raja Mustafa
Penolong Bendahari	:	Puan Zunnur binti Masnon
Juruaudit 1	:	Encik Syed Mohd Aizat bin Syed Abu Bakar
Juruaudit 2	:	Encik Mohd Faiz Akmal bin Amran
Ahli Jawatankuasa	:	Encik Hashim bin Touran Encik Al-Imran bin Ariffin Encik Mohd Afzan bin Abdul Sani Encik Mohmmad Harfi bin Mat Jamal Encik Khairul Azizi bin Azis Encik Mohd Hadi bin Othman Encik Khairul Hisyam bin Saiko Encik Zahari bin Saat Encik Arif Akmal bin Sa'yon

### **AKTIVITI BIRO PAINTBALL MPJBT**

#### **1. KEJOHANAN MALAYSIAN PAINTBALL OFFICIAL CIRCUIT (MPOC) 2016 1<sup>ST</sup> LEG**

Biro Paintball Kelab Sukan Dan Kebajikan MPJBT Sesi 2016-2018 telah menyertai kejohanan Malaysian Paintball Official Circuit (MPOC) 2016 1<sup>st</sup> Leg pada 30 & 31 Januari 2016 bertempat di Canyon Paintball Park, Bukit Utama, Selangor. Biro Paintball menghantar pasukan MPJBT Tigers untuk menyertai kejohanan dalam kategori Divisyen 3. Bagi kategori Divisyen 3 ini terdapat 8 pasukan telah menghantar wakil dari 3 Negara antaranya Singapura, Indonesia dan Malaysia.



## **LAPORAN BIRO PAINTBALL SESI 2016-2018 KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

Keputusan keseluruhan kejohanan seperti berikut:-

### **Kategori Divisyen 3**

Johan	- RM5,000 + Piala + Medal	( DUCKSIDE )
Naib Johan	- RM2,300 + Medal	( IMPERIA )
Tempat Ke 3	- RM1,300 + Medal	( JOHOR PIRATES )
Tempat Ke 4	- RM750 + Medal	( TORA TORA )
Tempat Ke 5	- Medal	( MPJBT TIGERS )

Senarai pemain yang mewakili MPJBT:-

- Mohd Hazdi bin Md. Dan
- Mohd Shayfuddin bin Moon
- Syed Mohd Aizat bin Syed Abu Bakar
- Mohd Faiz Akmal bin Amran
- Mohmmad Harfi bin Mat Jamal
- Mohd Afzan bin Abdul Sani

## **2. KEJOHANAN KTM X-BOW CHALLENGE #1<sup>ST</sup> LEG 2016**

Biro Paintball Kelab Sukan Dan Kebajikan MPJBT Sesi 2016-2018 telah menyertai kejohanan KTM X-BOW Challenge # 1<sup>st</sup> Leg pada 5 & 6 Mac 2016 bertempat di Tasik Titiwangsa Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Terdapat 4 Divisyen yang di pertandingan iaitu kategori D1, D2, D3 & D4. Biro Paintball menghantar pasukan MPJBT Tigers untuk menyertai kejohanan dalam kategori Divisyen 4 (D4). Bagi kategori Divisyen 4 ini terdapat 10 pasukan telah menghantar wakil dari pelbagai Negara antaranya Singapura, Brunei, Thailand dan Malaysia.

Keputusan keseluruhan kejohanan seperti berikut:-

### **Kategori Divisyen 4**

Johan	- RM3,000 + Piala + Medal	( WR1 NR1 JALAK TEAM TACT )
Naib Johan	- RM2,000 + Piala + Medal	( RAMPAGE )
Tempat Ke 3	- RM800 + Piala + Medal	( MPJBT TIGERS )
Tempat Ke 4	- Piala + Medal	( UNIKORN LEGACY )



## **LAPORAN BIRO PAINTBALL SESI 2016-2018 KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

Senarai pemain yang mewakili MPJBT:-

- Mohd Hazdi bin Md. Dan
- Arif Akmal bin Sa'yon
- Mohd Afzan bin Abdul Sani
- Khairul Hisyam bin Saiko
- Mohd Faiz Akmal bin Amran
- Mohmmad Harfi bin Mat Jamal
- Muhammad Ridhuan bin Aziz

### **3. KEJOHANAN PALS ROUND 1 ASIA & ASIA PACIFIC CUP 2016**

Biro Paintball Kelab Sukan Dan Kebajikan MPJBT Sesi 2016-2018 telah menyertai kejohanan Paintball Asia League Series Round 1 Asia & Asia Pacific Cup 2016 pada 26 & 27 Mac 2016 bertempat di Padang Semarak Taman Wetland Putrajaya. Terdapat 4 Divisyen yang di pertandingan iaitu kategori D1, D2, D3 & D4. Biro Paintball menghantar pasukan MPJBT Tigers untuk menyertai kejohanan dalam kategori Divisyen 3 (D3). Bagi kategori Divisyen 3 ini terdapat 38 negara telah menghantar wakil antaranya Singapura, Thailand, Iran, Australia, Indonesia, Malaysia dan lain-lain. 10 pasukan dihantar untuk menyertai kejohanan ini.

Keputusan keseluruhan kejohanan seperti berikut:-

#### **Kategori Divisyen 3**

Johan	- USD 1000 + Piala + Medal	( MPJBT TIGERS )
Naib Johan	- USD 700 + Piala + Medal	( MAMBANG DIAWAN )
Tempat Ke 3	- USD 500 + Piala + Medal	( SIN ARMY EXTINCTION )
Tempat Ke 4	- Piala + Medal	( KAMIKAZE KINGS )

Senarai pemain yang mewakili MPJBT:-

- Mohd Hazdi bin Md. Dan
- Mohd Hadi bin Othman
- Mohd Shayfuddin bin Moon
- Syed Mohd Aizat bin Syed Abu Bakar
- Mohd Faiz Akmal bin Amran
- Mohmmad Harfi bin Mat Jamal
- Mohd Afzan bin Abdul Sani



## **LAPORAN BIRO PAINTBALL SESI 2016-2018 KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

### **4. KEJOHANAN PALS # 2<sup>ND</sup> LEG SINGAPORE 2016**

Biro Paintball Kelab Sukan Dan Kebajikan MPJBT Sesi 2016-2018 telah menyertai kejohanan Paintball Asia League Series #2<sup>nd</sup> Leg Singapore 2016 pada 27 hingga 29 Mei 2016 bertempat di Red Dynasty Paintball Park Bukit Timah, Singapura. Terdapat 4 Divisyen yang di pertandingan iaitu kategori D1, D2, D3 & D4. Biro Paintball menghantar pasukan MPJBT Tigers untuk menyertai kejohanan dalam kategori Divisyen 3 (D3). Bagi kategori Divisyen 3 ini terdapat 38 negara telah menghantar wakil antaranya Singapura, Thailand, Iran, Australia, Indonesia, Malaysia dan lain-lain. 12 pasukan dihantar untuk menyertai kejohanan ini.

Keputusan keseluruhan kejohanan seperti berikut:-

#### **Kategori Divisyen 3**

Johan	- USD 15000 + Piala + Medal	( KAMIKAZE KINGS )
Naib Johan	- USD 800 + Piala + Medal	( OCTANE 671 )
Tempat Ke 3	- USD 500 + Piala + Medal	( MPJBT TIGERS )
Tempat Ke 4	- Piala + Medal	( TITANIUM REVOLUTION )

Senarai pemain yang mewakili MPJBT:-

- Mohd Hazdi bin Md. Dan
- Mohd Hadi bin Othman
- Mohd Shayfuddin bin Moon
- Syed Mohd Aizat bin Syed Abu Bakar
- Mohd Faiz Akmal bin Amran
- Mohmmad Harfi bin Mat Jamal
- Mohd Afzan bin Abdul Sani

### **5. KEJOHANAN WORLD CUP ASIA 2016**

Biro Paintball Kelab Sukan Dan Kebajikan MPJBT Sesi 2016-2018 telah menyertai kejohanan World Cup Asia 2016 pada 20 Oktober hingga 24 Oktober 2016 bertempat di Varsity Green, University of Malaya, Kuala Lumpur. Terdapat 4 Divisyen yang di pertandingan iaitu kategori D1, D2, D3 & D4. Biro Paintball menghantar pasukan MPJBT Tigers untuk menyertai kejohanan dalam kategori Divisyen 3 (D3). Bagi kategori Divisyen 3 ini terdapat 38 negara telah menghantar wakil antaranya Singapura, Thailand, USA, France, Belgium, Malaysia dan lain-lain. 34 pasukan dihantar untuk menyertai kejohanan ini.





**LAPORAN BIRO PAINTBALL SESI 2016-2018  
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

Keputusan keseluruhan kejohanan seperti berikut:-

**Kategori Divisyen 3**

Johan	- RM 5,000 + Piala + Medal
Naib Johan	- RM 2,300 + Piala + Medal
Tempat Ke 3	- RM 1,300 + Piala + Medal
Tempat Ke 4	- Piala + Medal

Senarai pemain yang mewakili MPJBT:-

- Mohd Hazdi bin Md. Dan
- Mohd Hashim bin Touran
- Mohd Shayfuddin bin Moon
- Syed Mohd Aizat bin Syed Abu Bakar
- Mohd Faiz Akmal bin Amran
- Mohmmad Harfi bin Mat Jamal
- Mohd Afzan bin Abdul Sani
- Mohd Hadi bin Othman

**6. KEJOHANAN SRI AWANA SUPER SEVEN INTERNATIONAL PAINTBALL CHAMPIONSHIP 2016**

Biro Paintball Kelab Sukan Dan Kebajikan MPJBT Sesi 2016-2018 telah menyertai kejohanan Sri Awana Super Seven International Paintball Championship 2016 pada 10 & 11 Disember 2016 bertempat di Sri Awana Paintball Park, Bangi. Biro Paintball menghantar pasukan MPJBT Tigers untuk menyertai kejohanan dalam kategori Divisyen Terbuka. Bagi kategori Divisyen Terbuka ini terdapat 16 pasukan telah menghantar wakil dari beberapa negeri antaranya Johor, Kuala Lumpur, Selangor dan Kedah.

Keputusan keseluruhan kejohanan seperti berikut:-

**Kategori Divisyen 3**

Johan	- RM 6,000 + Piala + Medal
Naib Johan	- RM 4,500 + Medal
Tempat Ke 3	- RM 2,500 + Medal
Tempat Ke 4	- RM 1,000 + Medal
Tempat ke 5 - 8	- Medal



**LAPORAN BIRO PAINTBALL SESI 2016-2018  
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

Senarai pemain yang mewakili MPJBT:-

- Mohd Hazdi bin Md. Dan
- Mohd Hashim bin Touran
- Mohd Shayfuddin bin Moon
- Syed Mohd Aizat bin Syed Abu Bakar
- Mohd Faiz Akmal bin Amran
- Mohmmad Harfi bin Mat Jamal
- Mohd Afzan bin Abdul Sani
- Mohd Hadi bin Othman




Disediakan Oleh:  
Husnulkhathimah bte Ahmad Rahman  
Setiausaha  
Biro Paintball MPJBT

Disemak Oleh:  
Mohd Hazdi bin Md. Dan  
Pengerusi  
Biro Paintball MPJBT



LAPORAN BIRO PAINTBALL SESI 2016-2018  
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH

KEJOHANAN MALAYSIAN PAINTBALL OFFICIAL  
CIRCUIT 2016 1<sup>st</sup> LEG 2016





LAPORAN BIRO PAINTBALL SESEI 2016-2018  
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH

KEJOHANAN KTM X-BOW CHALLENGE #1<sup>st</sup> LEG  
2016







LAPORAN BIRO PAINTBALL SESI 2016-2018  
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BARU TENGAH

KEJOHANAN PAINTBALL ASIA LEAGUE SERIES

ROUND 1 ASIA & ASIA PACIFIC CUP 2016






LAPORAN BIRO PAINTBALL SESI 2016-2018  
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH

KEJOHANAN PAINTBALL ASIA LEAGUE SERIES





#2<sup>nd</sup> Leg (PALS) SINGAPORE 2016





LAPORAN BIRO PAINTBALL SESI 2016-2018  
KELAB SUKAN DAN KERAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH



KEJOHANAN WORLD CUP ASIA 2016





LAPORAN BIRO PAINTBALL SESI 2016-2018  
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH

KEJOHANAN SRI AWANA SUPER SEVEN  
INTERNATIONAL PAINTBALL CHAMPIONSHIP 2016







**KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

---

**LAPORAN**

**BIRO BOLA JARING**

---

**LAPORAN BIRO BOLA JARING  
BAGI TAHUN 2016/2017**

~~~~\*~~~~

**AHLI JAWATANKUASA**

|                                             |                   |
|---------------------------------------------|-------------------|
| Puan Norhalizah Binti Sakimin               | : Ketua Biro      |
| Puan Norzizah Binti Mohd Amin               | : Setiausaha      |
| Puan Morni Binti Ahmad                      | : Pen. Setiausaha |
| Puan Nurhidayah Binti Saad                  | : Bendahari       |
| Cik Siti Morni Binti Ahmad                  | : Pen. Bendahari  |
| Puan Faezah Binti Abdullah                  |                   |
| Puan Serimah Binti Sahak                    |                   |
| Puan Puteri Farah Eliana Binti Saiful Anuar |                   |
| Puan Norfarhana Binti Abu Bakar             |                   |
| Puan Junainah Binti Roslan                  |                   |
| Puan Subhashini A/P Suppiah                 |                   |
| Encik Noor Azmi Binti Yusak                 |                   |
| Encik Mohd Safwah Bin Abd Wahab             |                   |
| Encik Aziz Bin Rohani                       |                   |
| Encik Saharulnizam Bin Sahadan              |                   |

**AKTIVITI YANG TELAH DIJALANKAN**

**KEJOHANAN BOLAJARING MALA 2016**

Pada tahun 2016 Pasukan Bolajaring MPJBT telah mengambil bahagian dalam Kejohanan Bolajaring MALA 2016 anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) yang telah diadakan di Kepala Batas/Bukit Mertajam, Pulau Pinang pada 9 & 10 Disember 2016. Keputusan perlawanan adalah sebagaimana berikut:-

|                                            |        |
|--------------------------------------------|--------|
| MPJBT vs MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA    | 3 - 24 |
| MPJBT vs MAJLIS BANDARAYA IPOH             | 1 - 20 |
| MPJBT vs MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA | 6 - 10 |
| MPJBT vs MAJLIS PERBANDARAN KOTA BAHRU     | 4 - 22 |

---

## PERTANDINGAN BOLAJARING PUSPANITA DAERAH JOHOR BAHRU

---

Pasukan Bolajaring MPJBT juga telah menyertai Pertandingan Bolajaring anjuran Puspanita Cawangan Daerah Johor Bahru yang telah diadakan pada 24 November 2016 bertempat di Dewanraya Taman Universiti, Skudai.

Keputusan pertandingan – peringkat kumpulan.

---

### PERLAWANAN PERSAHABATAN

---

Selain daripada itu Pasukan Bolajaring MPJBT juga berusaha meningkatkan prestasi pasukan dengan mengadakan sesi latihan pada setiap khamis dan juga mengadakan beberapa siri perlawanan persahabatan dengan pasukan-pasukan dari jabatan-jabatan di sekitar daerah Johor Bahru.

Antaranya ialah:-

- a) Pejabat Kadi Daerah Johor Bahru
- b) Polis Daerah Johor Bahru
- c) Universiti Teknologi Malaysia

---

### HARAPAN DAN SASARAN

---

Biro Bolajaring sentiasa berusaha ke arah matlamat mewujudkan sebuah pasukan bolajaring yang mampu bersaing dengan pasukan-pasukan lain dalam setiap pertandingan yang disertai. Walaubagaimanapun, menilai dari prestasi pasukan yang kurang menggalakkan pada tahun 2016 maka pihak Biro berharap supaya pihak Majlis dapat mempertimbangkan untuk mengambil masuk kakitangan yang mempunyai latar belakang sukan bolajaring sebagai pelapis kepada pemain-pemain sediaada yang semakin berkurangan prestasi disebabkan faktor usia. Semoga dengan usaha ini dapat mengembalikan kegemilangan pasukan bolajaring MPJBT yang begitu membanggakan satu masa dahulu.

#### **"BERSUKAN UNTUK KESIHATAN"**

Disediakan Oleh:

Norzisah Binti Mohd Amin  
Setiausaha  
Biro Bolajaring MPJBT

Disahkan Oleh:

Norhalizah Binti Sakimin  
Pengerusi  
Biro Bolajaring MPJBT



**KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

---

**LAPORAN**

**BIRO KEBAJIKAN**

---



**BIRO KEBAJIKAN  
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

---

**LAPORAN TAHUNAN BAGI SESI 2016-2017**

**1) NAMA AHLI JAWATANKUASA**

|                          |                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|--------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pengerusi</b>         | : Haji Masiran bin Haji Roslan                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| <b>Setiausaha</b>        | : Nurina binti Samat                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
| <b>Ahli Jawatankuasa</b> | : Nurhidayah binti Mohamed<br>Noor Azlan bin Mohamad<br>Noor Faiz bin Kasmani<br>Siti Komariah binti Haji Shafei<br>Hasfalela binti Ahmad Jailani<br>Nor Azlin binti Badaron<br>Ramidah binti Beram<br>Aminuddin bin Bakhri<br>Haris Fadzillah bin Esa<br>Suhaila binti Othman<br>Mesrika binti Sadikan |

**2) OBJEKTIF**

- 2.1 Mengambil maklum hal-hal kakitangan dalam hal-hal kebajikan.
- 2.2 Membantu meringankan beban ahli-ahli sekeluarga yang ditimpa musibah.

**3) AKTIVITI**

- 3.1 Membuat kutipan derma dari warga MPJBT bagi kes-kes kematian ahli keluarga setiap ahli.
- 3.2 Menyediakan laporan kes kematian kepada Bendahari Kelab untuk makluman bagi sumbangan terus dari Kelab Sukan dan Kebajikan, MPJBT.
- 3.3 Membuat kutipan derma bagi pekerja bertaraf sambilan, Encik Muhamad Azam bin Ramli dari Jabatan Kewangan yang menghidap penyakit kronik iaitu penyakit buah pinggang serta menyerahkan sumbangan derma sebanyak RM 2,587.00 kepada beliau di kediamannya.
- 3.4 Sepanjang sesi 2016-2017, Biro Kebajikan telah membuat kutipan derma dan sumbangan kepada ahli-ahli yang ditimpa musibah sebagaimana berikut :-

### 3.3.1 Kutipan derma kerana kematian ahli keluarga

| Bil | Nama Ahli                             | Jumlah Kutipan Sumbangan (RM) |
|-----|---------------------------------------|-------------------------------|
| 1   | Encik Azmi Bin Ahmad                  | 615.00                        |
| 2   | Puan Norazreen Binti Mohd Paimin      | 615.00                        |
| 3   | Encik Mohd Anuar Bin Zaidi            | 615.00                        |
| 4   | Puan Nor Fadilah Binti Nasaruddin     | 566.00                        |
| 5   | Encik Ahmad Ariffin Bin Bukari        | 566.00                        |
| 6   | Encik Hailman Bin Sa'aban             | 566.00                        |
| 7   | Puan Hjh Puziah Binti Hj. Mohamad Zin | 398.00                        |
| 8   | Puan Ruzanna Binti Mohamed            | 398.00                        |
| 9   | Puan Siti Aisyah Binti Kamuradin      | 398.00                        |
| 10  | Puan Raba'ahtoladawiah Binti Wasis    | 398.00                        |

### 3.3.2 Sumbangan Bersalin/Kelahiran Anak

- Nilai sumbangan sebanyak RM 200.00 setiap seorang.

| Bil | Nama Ahli                                |
|-----|------------------------------------------|
| 1   | Puan Nurhidayah Binti Mohamed            |
| 2   | Encik Mohd Saufi Bin Abd Rahman          |
| 3   | Encik Muhamad Taufiq Bin Sanib           |
| 4   | Encik Mohd Azan Bin Abd Rahman           |
| 5   | Puan Hasyimah Binti Mohd Ali             |
| 6   | Puan Noor Aszlinda Binti Mesnan          |
| 7   | Encik Mohd Faisal Bin Norahman           |
| 8   | Encik Mohamad Nor Azhar Bin Noor Mohamed |
| 9   | Encik Mohd Razaduan Bin Hamzah           |
| 10  | Encik Ahmad Azizi Bin Zulkifli           |
| 11  | Encik Mohamad Izzat Bin Mohamad          |
| 12  | Puan Siti Rafidah Binti Idris            |
| 13  | Encik Mohd Khanafi Bin Saroh             |
| 14  | Encik Mohd Hafiz Bin Sood                |
| 15  | Puan Siti Hajar Bin Mohd Atan            |
| 16  | Puan Nor Hidayah Binti Jais              |
| 17  | Encik Zainal bin Mohd Zin                |

### 3.3.3 Sumbangan IPTA

- Nilai sumbangan sebanyak RM 300.00 setiap seorang.

| Bil | Nama Ahli                       |
|-----|---------------------------------|
| 1   | Encik Mohd Sohaime Bin Sharif   |
| 2   | Encik Mohamad Hisham Bin Aziz   |
| 3   | Puan Hjh Sophia Binti Hj Salleh |
| 4   | Puan Siti Hawa Binti Sawab      |
| 5   | Encik Abdullah Binti Harun      |
| 6   | Encik Mohd Yusoff Bin Duni      |
| 7   | Puan Ruzlina Binti Bandi        |
| 8   | Encik Yusof Bin Ahmad           |
| 9   | Puan Norhalizah binti Sakimin   |

### 3.3.4 Sumbangan Kemalangan (Parah)

- Nilai sumbangan sebanyak RM 1,000.00 setiap seorang.

| Bil | Nama Ahli                        |
|-----|----------------------------------|
| 1   | Encik Musa Bin Idro              |
| 2   | Encik Mohamad Hafiz Bin Kamaldin |


### 3.3.5 Sumbangan Sakit (Masuk Wad)

- Nilai sumbangan sebanyak RM 200.00 setiap seorang.

| Bil | Nama Ahli                       |
|-----|---------------------------------|
| 1   | Encik Mohd Nafee Bin Musa       |
| 2   | Puan Noryati Bin Bulkin         |
| 3   | Encik Magalingam A/L Palaniandy |
| 4   | Encik Muzafar Bin Ahmad         |
| 5   | Encik Yusof Bin Ahmad           |
| 6   | Encik Samsol Bin Wahab          |
| 7   | Encik Emrizal bin Abd Rahman    |

Sekian, terima kasih.

Disediakan Oleh,

  
**NURINA BINTI SAMAT**  
Setiausaha  
Biro Kebajikan,  
Kelab Sukan dan Kebajikan

Disahkan Oleh,

  
**HAJI MASIRAN BIN HAJI ROSLAN**  
Pengerusi  
Biro Kebajikan,  
Kelab Sukan dan Kebajikan





**KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

---

**KERTAS KERJA  
PERMOHONAN  
KELULUSAN  
PERBELANJAAN MELEBIHI  
RM30.000.00 DARI  
MESYUARAT AGUNG KSK**

---

**KERTAS KERJA  
PERMOHONAN KELULUSAN PERBELANJAAN  
MELEBIHI RM 30, 000.00 DARI  
MESYUARAT AGUNG  
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

**1. PENDAHULUAN**

Mengikut perkara 10(iv) Undang-undang Bagi Pertubuhan Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, kebenaran Mesyuarat Agung hendaklah dipohon bagi perbelanjaan yang melebihi had RM 30,000.00 dalam sebulan.

**2. PERMOHONAN KELULUSAN**

2.1 Bagi makluman mesyuarat, Kelab Sukan dan Kebajikan, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah telah melakukan perbelanjaan-perbelanjaan berikut sebagaimana dinyatakan di bawah :

| Bil | Tarikh   | Perbelanjaan                                        | Jumlah Perbelanjaan |
|-----|----------|-----------------------------------------------------|---------------------|
| 1.  | Jun 2017 | Pemberian duit raya 730 ahli kelab bagi tahun 2017. | = RM 36,500.00      |

**KEPUTUSAN**

Mesyuarat Agung Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah Melulus/ Menangguh / Menolak Permohonan Kelulusan Perbelanjaan melebihi RM 30, 000.00 sebagaimana kertas kerja MAKSK 1/2017

Undi : Menyokong \_\_\_\_\_ orang.  
Menolak \_\_\_\_\_ orang.

Bendahari,  
Kelab Sukan dan Kebajikan, MPJBT.



KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH

---

**RINGKASAN  
CADANGAN / USUL  
AHLI-AHLI KELAB SUKAN**

---

**MESYUARAT AGUNG KALI KE -23  
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU TENGAH**

**USUL YANG DITERIMA SECARA BERTULIS**

| <b>BIL</b> | <b>USUL</b>                                                                                                                                      | <b>PENCADANG</b>                                           | <b>PENYOKONG</b>                         | <b>KEPUTUSAN<br/>Mesyuarat</b>                                                                                                                  |
|------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------|------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.         | - Dicapangkan Biro agama mengadakan kursus umrah dan haji kepada warga kerja MPJBT pada setiap hari jumaat mulai jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi | Mazlina binti Abdul Majid<br>Jabatan Khidmat<br>Pengurusan | Noryati binti Adam<br>Unit Undang-undang | Usul ditolak memandangkan kursus boleh diperolehi daripada pakej umrah dan haji peserta atau surau dan masjid yang menawarkan kursus berkenaan. |



